

**KAJIAN JATIDIRI DAN TEKANAN ISU SOSIO-EMOSI DALAM KALANGAN  
PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT (A STUDY OF IDENTITY AND SOCIO-  
EMOTIONAL STRESS AMONG INTELLIGENT AND TALENTED STUDENTS)**

Rorlinda Yusof

Norah Mohd Ishak

Siti Aishah Hassan

Afifah Mohd Radzi

*Pusat PERMATApintar Negara  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

**ABSTRACT**

*The construction of teenagers' identity is very important to stimulate the excellence of nation building. This study aims to investigate the level of identity and its relationship with socio-emotional stress experienced by gifted and talented students in Malaysia. A total of 194 students from Pusat PERMATApintar™ Negara are randomly selected to respond to two questionnaires, namely Student's Identity instrument which contains 72 items and Socio-Emotional Stress instrument with 60 items. These students give response using the 5-point Likert scale. Descriptive statistical analysis and inference are used to determine the mean score and correlation between variables (SPSS version 19.0). The results showed that the mean score of identity is high (3.86, sp value 6.41), and the issue of socio-emotional stress is moderate (2.71, sp value: 7.39). From the five components of identity studied, spiritual identity obtained the highest mean score (4.13) while the component of leadership identity obtained the lowest mean score (4.13). For the issue of socio-emotional stress, the pressure in social justice and perfection obtained high mean scores (4.13 and 3.51), while the pressure in family relationship scored the lowest mean (2.09). Pearson r correlation analysis showed the existence of a significant negative relationship between identity and socio-emotional stress among gifted and talented learners. The implications on the importance of the Guidance and Counselling services as well as counsellor's competency to provide support service in leading the gifted and talented students' psychological well-being and holistic identity development are also discussed.*

**Keywords:** identity, psychological issues, social emotional stress, gifted education, guidance and counselling

**PENGENALAN**

Keutuhan jatidiri menjadi pemangkin dalam melahirkan generasi yang berkualiti. Kualiti peribadi remaja masa kini menjadi penentu kejayaan negara di masa hadapan. Malaysia memerlukan generasi pewaris yang memiliki jatidiri unggul bagi memastikan agenda pembangunan negara akan terus diperkasa. Jatidiri secara umumnya bermaksud sifat unik dan istimewa individu dari banyak segi termasuk; rangkuman nilai, adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya. Ciri-ciri istimewa tersebut perlu bersifat tulen atau asli yang menjadi teras dalam membentuk watak, sahsiah dan menjadi lambang keperibadian

seseorang individu atau sesuatu bangsa (Mohd Yusof, Jawiah, Abd.Latif, Mohd Safar, 2012). Juzuk-juzuk jatidiri dapat dilihat melalui pengetahuan, tingkah laku, pengurusan emosi, nilai dan kepercayaan seseorang. Teo Kok Seong (2015) pula membahagikan jatidiri kepada dua, iaitu jatidiri peribadi dan jati diri kebangsaan. Jatidiri peribadi melibatkan sifat diri, perwatakan baik yang asli, tulen, atau luhur. Sifat-sifat tersebut dimanifestasikan menerusi cara seseorang itu berfikir, bertingkah laku, dan berketerampilan atau menonjolkan dirinya (Teo Kok Seng, 2015). Penterjemahan sifat jatidiri peribadi yang baik dalam masyarakat adalah menerusi amalan budaya kerja cemerlang, pembawaan yang disenangi,

mematuhi peraturan, berintegriti, perwatakan suka menolong, dan personaliti yang berakhlak mulia (Zainal, 2012).

Pandangan terhadap penghayatan jatidiri dalam kehidupan menyokong pandangan Honess (1992) yang menyarankan jatidiri bukan suatu yang dicari dan dijumpai, tetapi ianya perlu dibina secara konsisten melalui interaksi sosial setiap individu. Maka, dapat disimpulkan jatidiri adalah sifat-sifat keperibadian individu yang melibatkan pegangan nilai, kepercayaan agama, watak atau karakter, amalan bahasa, budaya dan semangat patriotisme. Justeru, individu yang mempunyai jatidiri dikenali sebagai individu yang beridentiti (Wan Muhammad, 2010).

Sehubungan itu, Erikson (1968) memberi gambaran bahawa individu yang beridentiti memiliki ciri-ciri keyakinan dan penghargaan kendiri yang tinggi. Hal ini membolehkan mereka bersifat terbukauntuk menerima orang lain dan pandangan atau idea-idea berdasarkan kebolehan, kesetiaan, nilai peribadi dan maruah diri. Sifat-sifat peribadi tersebut boleh dikembangkan secara sistematik dan merentas kehidupan sepanjang hayat bermula dari zaman kanak-kanak, remaja, dan dewasa.

Pembangunan jatidiri PPB perlu diberi perhatian serius dan pembinaannya pula perlu melalui pelbagai pendekatan dan selaras dengan keperluan PPB. Hal ini disebabkan oleh PPB dilihat sebagai bakal pemimpin yang hebat kerana mereka didapati mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang berkualiti. Kelebihan tersebut boleh memotivasi rakan-rakan lain dalam persekitarannya. (Karnes & Stephens, 1999; Roberts, 2013; Rorlinda, 2014). Kualiti kepimpinan yang semula jadi itu perlu disebatikan dengan nilai-nilai jatidiri yang utuh, menyeluruh (holistik) atau seimbang, selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pembangunan jatidiri PPB yang holistik adalah penting bagi melahirkan modal insan yang bakal memacu kemasyhuran negara sehingga ke peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun, hasil kajian ahli-ahli psikologi mendapati PPB yang dikenali sebagai individu yang mempunyai kebolehan kognitif, daya kreativiti dan komitmen tugas

yang tinggi (Renzulli, 2014) juga didapati sering mengalami isu-isu berkaitan sosio-emosi (Versteynen, 2013; Rosadah, 2003; Robinson, 2006; Abu Yazid & Aliza, 2009; Aliza & Hamidah, 2009). Isu-isu psikologikal (sosio-emosi) dalam kalangan PPB dikatakan timbul akibat daripada ketidakselarasaran perkembangan (*asynchronous development*) di antara umur akal (*mental age*) dan umur fizikal (*cronological age*). Perkembangan kebolehan kognitif yang tinggi atau terkehadapan, diiringi perkembangan emosi, sosial dan kerohanian yang sederhana, boleh mencetuskan isu psikologi sosio-emosi dalam kalangan PPB.

## **Latar Belakang Kajian**

### **Ciri pelajar pintar dan berbakat (PPB)**

PPB adalah individu yang dilahirkan dengan kemampuan semula jadi yang unik. Kemampuan unik merujuk kepada kemampuan dalaman yang lahir secara semula jadi atau *innate ability* yang dikaitkan dengan kandungan genetik keluargaan (Simonton, 2005). Kebolehan semula jadi ini adalah dalam pelbagai domain termasuk kemahiran kognitif. Kebolehan kognitif yang semula jadi ini termasuk kebolehan menaakul, menyelesaikan masalah, dan merancang. Kemampuan kognitif yang baik dipamerkan menerusi kepantasan belajar dan kecekapan dalam mengurus maklumat yang dipelajari.

Sehubungan itu, menurut Gagne (2015) individu dianggap sebagai pintar dan berbakat apabila dia mempunyai kemampuan kognitif yang luar biasa dan boleh menggunakan kemampuan semula jadi itu dengan baik. Dalam kata lain, individu pintar merupakan individu yang berpotensi untuk menjadi cekap dan cemerlang. Menurut Gagne (2015) lagi, individu dianggap sebagai pintar dalam bidang tertentu apabila dia mampu menampakkan potensinya dalam bidang tersebut. Gagne (1995) dalam *Model Differentiated Model of Giftedness and Talent* (DMGT) menjelaskan apabila kepintaran semula jadi individu dijana sepenuhnya menerusi faktor-faktor pemangkin (persekitaran dan intrapersonal) ianya akan menjadikan individu tersebut menjadi cemerlang dan dikenali sebagai individu yang berbakat. Namun, ada kalanya individu pintar menghadapi situasi di mana dia terhalang atau

tidak berpeluang untuk mempamerkan potensi semula jadinya. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor intrapersonal atau persekitaran yang tidak menyokong keperluan perkembangan pembelajarannya (Gagne, 1995). Maka individu terbabit tidak akan mempamerkan sifat pintar dan berbakat, terutamanya apabila dia belum mencapai kesedaran peribadi (seperti; kesedaran fizikal dan psikologikal yang melibatkan elemen intrapersonal iaitu motivasi, kemauan dan personaliti). Ini bermakna, sifat pintar dan berbakat hanya akan terserlah apabila individu tersebut mempunyai kesedaran intrapersonal yang tinggi dan berada dalam persekitaran yang menyokong pembangunan potensi kepintarannya. Proses perkembangan kepintaran individu ini berlaku menerusi pendekatan pembelajaran yang mencabar seperti pengayaan, pecutan, dan pemampatan kurikulum. Seterusnya konsep pintar dan berbakat menurut Renzulli, (2005) pula dilihat dari perspektif *Model Three-Ring Conception of Giftedness* atau Model Tiga Cincin. Model ini meletakkan tiga ciri utama yang perlu dimiliki oleh individu pintar dan berbakat, iaitu kebolehan kognitif yang tinggi, daya kreativiti dan komitmen tugas yang tinggi. Mengikut Renzulli, ciri pintar dan berbakat ini bukan satu sifat yang tetap atau kekal, sebaliknya ciri ini sentiasa berubah mengikut keadaan dan persekitaran yang menyumbang kepada perkembangan kepintaran untuk menjadi individu berbakat. Ciri kebolehan kognitif pelajar pintar dan berbakat oleh Renzulli mempunyai kesamaan dengan pandangan Sousa, (2003) yang juga melihat ciri kanak-kanak pintar dari aspek kognitif dan metakognitif, iaitu yang melibatkan penggunaan pemikiran aras tinggi dalam proses pembelajaran. Selain itu, teori psikologi terdahulu oleh Gardner, (1993) dalam Teori Kecerdasan Pelbagai melihat kepintaran daripada sembilan ciri kecerdasan iaitu; kecerdasan logik matematik, verbal linguistik, ruang(*spatial*), kinestetik badan, muzik, intrapersonal, interpersonal, naturalis, dan *existential*.


Berasaskan konsep yang terkandung dalam model dan teori perkembangan pelajar pintar dan berbakat (Gagne, 1995; Renzulli, 2005; Sousa, 2003; Gardner, 1993), negara Malaysia menerusi program PERMATA Pintar dan Berbakat telah merangka konsep

pelajar Pintar dan berbakat yang selaras matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan Negara yang menjadi tunggak dalam pembentukan modal insan negara. Konsep pelajar pintar dan berbakat menurut Pusat PERMATApintar Negara (PPpN) dilihat dari aspek sikap serta ciri peribadi yang menyokong pembangunan kebolehan/kemampuan semula jadi pelajar pintar. Individu Pintar dan Berbakat menurut perspektif PPpN ialah individu yang memiliki; (i) kemampuan dalaman yang semula jadi (SJ) dari aspek kemahiran kognitif termasuk kebolehan menaakul, menyelesaikan masalah, dan merancang. Kebolehan kognitif yang baik dipamerkan menerusi kepentasan belajar dan kecekapan mengurus maklumat yang dipelajari; (ii) berpeluang berada dalam keadaan pintar (KP), di mana individu bukan sekadar mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi malah boleh menggunakan kemampuan tersebut dengan baik, menerusi persekitaran yang sesuai lagi menyokong. Persekitaran yang menyokong melibatkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai dan mampu mencabar minda seperti pembelajaran pengayaan, pecutan, dan pemampatan kurikulum; dan (iii) sikap serta ciri peribadi yang memuaskan (PM) merupakan elemen penting dalam memperkaya dan menyokong pembangunan aspek kemampuan diri yang semula jadi (SJ) yang ada pada diri individu tersebut sehingga berjaya mencapai tahap berbakat. Elemen atau ciri tersebut merangkumi sikap mesra masyarakat, cermat dan teliti dalam bertindak. Selain itu, sifat individu ini berupaya mempengaruhi orang lain kerana mempunyai kemahiran daya membujuk, berwibawa memimpin, dan mahir berkata-kata, yang kesemuanya turut menyumbang kepada pembangunan diri untuk menjadi individu pintar dan berbakat (Rosadah, Noriah & Melor, 2009).

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, pembinaan kualiti peribadi PPB adalah selaras dengan matlamat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, yang berusaha melahirkan pelajar seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial (KPM, 2015). Penyediaan latihan, pengalaman pengayaan, dan persekitaran kondusif amat penting dalam proses pembentukan

peribadi PPB. Kemenjadian PPB yang holistik perlu dilihat menerusi tahap kecemerlangan kognitif dan kualiti sahsiah peribadi. Kualiti sahsiah pula diterjemahkan menerusi penghayatan nilai-nilai jatidiri yang utuh, yang dapat menjadikan mereka warganegara yang bertanggungjawab, menghargai nilai kemakmuran, dan sentiasa suka untuk menyumbang dan berbakti kepada masyarakat dan negara. Sebagai rumusan pembinaan

konsep PPB di Pusat PERMATApintar Negara UKM adalah berdasarkan kepada kerangka konseptual, yang merujuk kepada beberapa model konsep pelajar Pintar dan Berbakat iaitu; Differentiated Model of Giftedness and Talent (Francoys Gagné, 1995), Model Three-Ring Conception of Giftedness (Renzulli, 1997), dan Falsafah pendidikan Kebangsaan (KPM), seperti dalam Rajah1.



**Rajah 1:** Kerangka Konseptual Pembinaan Konsep Pintar dan Berbakat Pusat PERMATApintar Negara UKM

### Pernyataan Masalah

Kajian tentang PPB semakin mendapat perhatian dalam dunia pendidikan. Bagaimanapun, kajian ke atas kumpulan ini biasanya memberi tumpuan kepada perbincangan aspek kualiti kognitif dan mengabaikan aspek keperluan dan kualiti sosial dan emosi mereka. Aspek kualiti sosial dan emosi PPB pula sering dikaitkan dengan sifat-sifat peribadi pelajar itu sendiri dalam memimpin dirinya dan orang lain (Karnes & Bean, 1990; Sternberg, 2005). Sifat peribadi ini dikaitkan dengan identiti kendiri atau juga dikenali sebagai jatidiri. Pembentukan jatidiri PPB merupakan proses yang berubah-ubah, pelbagai dan berterusan (Vincent, 2003). Pengkaji bidang psikologi perkembangan PPB, kekal dalam pandangan yang menyatakan bahawa tekanan yang dialami oleh PPB dalam pembentukan jatidiri atau identiti adalah tinggi (Luus & Watter, 2012; Neihart, 2006; Vialle, 2007). Hal ini

disebabkan oleh PPB mempunyai aspirasi dan ekspektasi diri yang tinggi, ditambah dengan ekspektasi masyarakat yang tinggi, yang kesemuanya menambah tekanan dalam kehidupan mereka. Justeru, PPB didapati perlu bertarung untuk membentuk jatidiri kerana terpaksa menghadapi situasi yang bercanggah, iaitu konflik di antara apa yang dihargai oleh ahli masyarakat atau komuniti atau budaya tertentu, dengan apa matlamat yang perlu mereka capai. Fenomena yang dikenali sebagai konflik pencapaian / gabungan (achievement/affiliation) ini, menurut Neihart (2006) biasanya berlaku dalam persekitaran sekolah, jantina, etnik, atau budaya dan kaum. Konflik ini boleh menyumbang kepada isu *underachievement* dan *disengagement* dengan pihak sekolah serta menurunkan aspirasi atau harapan masa depan sebahagian daripada PPB.

Sepanjang proses pembentukan jatidiri, PPB didapati menghadapi perasaan yang

berbeza pada masa-masa tertentu, khususnya apabila dia ingin menjadi seperti individu lain bagi membolehkan dia diterima dalam hubungan sosial, terutamanya dengan rakan sebaya di sekolah (Gross, 1998). Ini bermakna kecenderungan PPB untuk berubah dari aspek perkembangan jatidiri/identiti diri adalah tinggi, bagi tujuan penyesuaian sosial. Hasil kajian Keen (2005) dan Kirby dan Townsend (2001) melaporkan bahawa kebimbangan dalam membina hubungan rakan sebaya dan bertarung untuk diterima dalam kumpulan telah membentuk tekanan yang sangat tinggi dalam kalangan PPB di sekolah.

Sehubungan itu, kecenderungan terkini bidang penyelidikan PPB mula tertumpu kepada melihat kebolehan PPB dalam menangani risiko dan penyesuaian masalah yang dihadapi. Menurut kajian lepas, penyesuaian sosial dan emosi PPB adalah berkaitan dengan jenis kepintaran, penyesuaian pendidikan, dan ciri-ciri peribadi (Neihart, Reis, Robinson, & Moon, 2002 & Silverman, 1987). Hasil kajian dari dalam dan luar negara menunjukkan PPB menghadapi pelbagai tekanan isu sosio-emosi yang boleh menghalang perkembangan potensi mereka ke tahap yang maksimum (Lovecky, 1992; Rosadah, 2003; Abu Yazid & Aliza 2009; Aliza & Hamidah, 2009; Scott, 2012; Verstenyen, 2014).

Sehubungan itu, kajian dalam negara oleh Rosadah (2003) telah mendapati PPB mempunyai potensi kepimpinan yang lebih tinggi berbanding pelajar pencapaian sederhana. Bagaimanapun, mereka didapati mengalami masalah isu sosio-emosi yang boleh menjelaskan kesejahteraan psikologikal. Antara isu psikologi yang dialami adalah; masalah ketegangan emosi (*emotional intensity*), amat mementingkan kesempurnaan (*perfectionism*), kebimbangan yang tinggi, sensitiviti yang tinggi, keterujaan yang melampau (*overexcitability*), kepekaan terhadap keadilan sosial yang tinggi, kritik diri yang tinggi, sukar mengadaptasi ke suasana yang baharu, dan kurang kemahiran penyesuaian sosial dan komunikasi (Abu Yazid & Noriah, 2016; Rosadah, 2003). Keadaan ini mengikut Scott (2012), Abu Yazid dan Aliza (2009), Aliza dan Hamidah (2009) berpunca daripada faktor-faktor seperti; perkembangan yang tidak sekata

(*asynchronous development*), ekspektasi tinggi daripada pelbagai pihak, pembelajaran tidak mencabar yang sering membosankan, kesukaran menyesuaikan diri dalam interaksi sosial. Isu-isu tersebut didapati boleh menyumbang kepada permasalahan rasa rendah diri, motivasi kendiri, pencapaian bawah tahap (*underachievement*), dan kebimbangan yang nampaknya lebih membabitkan komponen sosio-emosi PPB. Kegagalan menangani isu-isu sosio-emosi boleh menjelaskan potensi peribadi yang sedia tertanam dalam diri PPB. Justeru, aspek sosio-emosi dan ketahanan jatidiri perlu dikenal pasti bagi membantu PPB mengenali dan memahami diri dan memperkembangkan potensi diri secara sihat ke tahap yang maksimum selaras dengan anugerah kepintaran yang dimiliki.

Hasil kajian yang dipaparkan menggambarkan bahawa PPB mempunyai isu psikologi yang membabitkan domain afektif iaitu sosio-emosi. Namun, kajian tentang sifat-sifat peribadi yang menyumbang kepada wujudnya isu-isu sosio-emosi kurang dibincangkan dalam mana-mana kajian. Sedangkan Gagne dalam Model DMGT (1995) telah menjelaskan faktor intrapersonal merupakan pemangkin perubahan dalam menjadikan seseorang pelajar yang pintar (anugerah semula jadi) kepada menjadi pelajar yang berbakat (mempunyai potensi dan kompetensi). Faktor intrapersonal yang dimaksudkan oleh Gagne mencakupi komponen fizikal (penampilan, kecacatan, dan kesihatan), mental (personaliti, perangai/*temperament*, dan resilien), kesedaran (diri dan orang lain, kekuatan dan kekurangan), motivasi (nilai, keperluan, minat, kecenderungan), dan *volition* atau kerelaan (autonomi, usaha, ketabahan). Apabila diperhalusi, faktor-faktor pemangkin Intrapersonal tersebut menjurus kepada komponen peribadi yang berkait rapat dengan aspek jatidiri peribadi.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengkaji aspek jatidiri peribadi dan isu-isu sosio-emosi dalam kalangan pelajar Pintar dan Berbakat di Pusat PERMATApintar Negara UKM. Ciri jatidiri peribadi akan dilihat menerusi enam komponen, iaitu jatidiri pemikiran atau minda, emosi, rohani, jasmani/fizikal, kepimpinan, dan kewarganegaraan.

Manakala, aspek berkaitan isu-isu sosio-emosi pula dilihat menerusi sepuluh komponen iaitu, isu berkaitan emosi, isu berkaitan motivasi, isu konsep kendiri, isu tekanan kebimbangan, isu tekanan kesempurnaan (*perfectionist*), isu penangguhan (*procrastinate*), isu pencapaian rendah (*underachiever*), isu tekanan sosial, isu tekanan keadilan sosial, dan isu tekanan hubungan keluarga. Kajian ini juga melihat perbezaan pemboleh ubah yang dikaji berdasarkan faktor demografi jantina dan bangsa.

### **Objektif Kajian**

1. Mengenal pasti profil jati diri dan tekanan sosio-emosi PPB di Pusat PERMATA pintar Negara.
2. Mengenal pasti hubungan di antara jati diri dengan tekanan sosio-emosi PPB di Pusat PERMATA pintar Negara

### **Persoalan Kajian**

1. Apakah profil jatidiri dantekanan sosio-emosi PPBdi Pusat PERMATA pintar Negara?
  - a. Min Jatidiri dan Tekanan sosio-emosi pelajar Pintar dan Berbakat
  - b. Profil Jatidiri dan Tekanan sosio emosi pelajar Pintar dan Berbakat
  - c. Perbandingan min Jatidiri dan Tekanan sosio-emosi mengikut jantina dan bangsa
2. Apakah hubungan di antarajatidiri dantekanan isu sosio-emosi PPB di Pusat PERMATA pintar negara?

### **Hipotesis Kajian**

$H_0$ : Tidak terdapat hubungan korelasi yang signifikan di antara jatidiri dan isu sosio-emosi PPB di Pusat PERMATA pintar Negara UKM

### **Kajian Literatur**

### **Konsep pembentukan jati diri pelajar pintar dan berbakat**

Teori psikologi perkembangan mengaitkan remaja yang mempunyai jatidiri sebagai individu yang tahu atau kenal siapa dirinya. Mereka dikatakan amat sedar tentang perubahan perkembangan diri dari aspek kognitif atau pemikiran, emosi dan perasaan, sosial, dan jasmani (Brinthaupt & Lipka, 2002). Kepentingan kesedaran dalam aspek-aspek tersebut sejajar dengan matlamat utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat melahirkan modal insan negara yang mempunyai jatidiri holistik atau seimbang; mencakupi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek, bagi mencapai kesejahteraan diri serta dapat menyumbang kepada kemakmuran dan keharmonian keluarga, masyarakat dan negara.

Teori perkembangan psikologi, Erikson (1968) menerangkan bahawa proses pembentukan identiti atau jatidiri individu bermula dari zaman kanak-kanak menerusi pengalaman hidup bersama individu signifikan seperti ibu bapa, adik beradik, guru-guru, rakan sebaya dan lain-lain. Kanak-kanak dikatakan cenderung untuk mencontohi tingkah laku, sikap, dan keinginan individu yang terkesan oleh mereka. Menurut Erikson lagi, daripada kebanyakan identiti yang diperhatikan, kanak-kanak akan memilih identiti yang paling sesuai mengikut persepsi mereka untuk diikuti atau dicontohi bagi menjadikan jatidiri dirinya. Proses ini mungkin melibatkan satu tempoh percubaan peranan, di mana kana-kanak itu akan mencuba beberapa personaliti yang berbeza dalam usaha menemui diri mereka yang sebenar. Justeru, Erikson menjelaskan pembinaan identiti memerlukan tempoh percubaanuntuk memilih identiti mana yang ingin dibina dan biasanya aspek yang difikirkan oleh PPB adalah samada identiti tersebut boleh diterima oleh rakan sebaya atau sebaliknya. Kebiasaannya, *role model* yang mempunyai pengaruh yang kuat ialah orang dewasa atau kanak-kanak yang telah berjaya dalam budaya dan diberi ganjaran kepada pematuhan sosial dan ideologi. Juga *role model* yang menghargai kesederhanaan, mempunyai keserasian/keselesaan, dan bukan yang mengancam. Malah mengikut teori ini, *role model* tersebut tidak semestinya dari

kalangan individu yang pintar daya intelektualnya (Schunk, 1987).

Seterusnya, teori Erikson (1968) juga menjelaskan bahawa PPB cenderung untuk mencari identiti yang boleh membuatkan mereka diterima oleh kanak-kanak lain dalam persekitarannya. Kecenderungan membina identiti dalam kalangan PPB bermula pada peringkat pertengahan sekolah rendah. Malah menurut Silverman (1983) dan Gross (1989), perkembangan kanak-kanak pintar dari aspek sensitiviti emosi, kebolehan berasa empati, dan merasai belas kasih telah bermula pada usia yang lebih awal. Ini bermakna dorongan psikososial ke arah pembentukan identiti atau jatidiri, autonomi, kerapatan (*intimacy*) dan pencapaian boleh dijangka kehebatannya/kemantapannya lebih awal dalam diri PPB berbanding pelajar yang sederhana tahap kebolehan kognitifnya. Ringkasnya, proses pembangunan jatidiri kanak-kanak dan remaja pintar dan berbakat didapati unik dan rumit berbanding rakan-rakan sebaya mereka yang sederhana.

Sehubungan itu, Tapper dan Abbias (2015) dalam kajian identiti/jatidiri PPB telah menghasilkan model profil identiti PPB. Model tersebut menyediakan rumusan grafik yang mengandungi empat profil jatidiri yang fleksibel. Selain daripada menunjukkan, ciri kompleks dan kepelbagaiannya identiti, model ini juga menekankan tentang ciri *fluidity* atau anjal/berubah-ubah dalam pembentukan identiti/jatidiri PPB. PPB dikatakan cenderung untuk mencuba identiti yang berbeza dalam masa mereka meneroka ataumencari jatidiri sendiri. Empat jenis identiti yang dimaksudkan ialah; *conformist identity* / identiti mematuhi, *rebel identity* / identiti memberontak, *identity nerd*, dan *all-round identity* / identiti seimbang.

Identiti *conformist* digambarkan menerusi dua ciri; (a) penyesuaian diri dari segi sosial adalah sangat penting, justeru mereka boleh mengubah diri / membuat *code switching* dalam usaha untuk menyesuaikan diri dalam rakan sebaya, dan (b) berusaha untuk mematuhi ekspektasi sekolah atau masyarakat. Identiti memberontak/rebel, digambarkan menerusi ciri memilih, kepercayaan yang kuat tentang keputusan sendiri, tegas dengan prinsip sendiri (aktivis,

pembangkang), memberontak / tidak dapat menerima hakikat kesalahan diri seperti tidak menunjukkan prestasi yang baik. Identiti *nerd* pula dikaitkan dengan ciri menuntutsesuatu perkara yang negatif sebagai suatu yang positif, dan kekuatan kumpulan ini ialah perkara negatif yang dianggap positif itu telah membentuk stereotaip dan diterima oleh kumpulan. Identiti seimbang merupakan profil identiti pelajar pintar yang diingini. Pelajar pintar dalam kumpulan ini didapati berjaya menggabungkan kebolehan akademik dengan sukan, budaya, dan kecekapan-kecekapan sosial dan emosi. Menurut kajian ini, pada satu-satu masa tertentu PPB dikatakan mungkin sesuai dengan satu atau lebih profil identiti yang dikenal pasti.

Rumusanpandangan teori dan model pembentukan jatidiri PPB, menunjukkan bahawa pembentukan jatidiri PPB bersifat anjal atau berubah-ubah, ekoran faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan jatidiri tersebut. Sehubungan itu, Moltzen (2011) menyarankan supaya pendidik dan individu yang bekerja dengan kumpulan pelajar ini perlu memahami kerumitan pembentukan identiti PPB yang sering berubah-ubah. Hal ini disebabkan oleh kecenderungan mereka dalam menimbangtara atau bertolak ansur dengan pelbagai faktor (seperti pencapaian dan intimasi) dalam proses pembinaan identiti. Kefahaman terhadap keluwesan pembentukan identiti/PPB akan dapat menyokong dan membantu perkembangan kesejahteraan psikologi pelajar ini.

### **Hasil Kajian Lepas pembentukan Jatidiri Pelajar Pintar dan Berbakat**

Menurut Gross (1998) pelajar Pintar dan Berbakat (PPB) melalui proses pembinaan jatidiri yang kompleks dan mencabar. Proses pembinaan jatidiri atau identiti diri bermula pada awal zaman kanak-kanak dan berterusan sepanjang kehidupan mereka. Persekutaran pembelajaran yang menyokong akan membolehkan PPB memenuhi potensi pencapaian diri dan membentuk hubungan yang bermakna. Kedua-dua aspek ini penting kepada kesejahteraan diri dan kesihatan mental PPB. Persekutaran pembelajaran yang menyediakan individu-individu positif adalah bermanfaat untuk perkembangan dan pembinaan diri PPB. Menurut Gross, untuk

diterima dan dihargai dalam budaya rakan sebaya yang menghargai pematuhan, PPB kadang kala boleh menutup kepintaran mereka dan membentuk jatidiri yang lain daripada jatidiri yang sebenar. Hal ini adalah bagi membolehkan mereka dapat diterima secara sosial oleh rakan-rakan sebaya yang lain. Justeru, Gross melihat isu jatidiri individu PBB dari dua perspektif, iaitu (1) individu PPB dikatakan selalubertopeng dan boleh bertukar-tukar jatidiri. Keadaan ini bukan kerana permasalahan yang wujud, tetapi kerana persekitaran sosial di mana mereka berada yang tidak memberi kebebasan atau membolehkan mereka menjadi diri sendiri; dan (2) individu PPB didapati memerlukan bantuan dalam menentukan jatidiri mereka dalam konteks yang tidak membenarkan perbezaan semula jadi dan yang diperolehi. (Gross 1998).

Persepsi kedua Gross selaras dengan pandangan Mahoney (1998) yang mencadangkan empat konstruk *person-contexts* yang boleh membentuk dan mempengaruhi perkembangan identiti atau jatidiri PPB; iaitu *validation* (pengesahan), *affirmation* (sokongan emosi), *affiliation* (ikatan/gabungan) dan *affinity* (pertalian). Setiap konstruk dikatakan samada memudahkan atau menghalang proses penyerahan potensi, perhubungan dan keupayaan untuk mencapai pembentukan identiti yang bersepada. *Validation* atau pengesahan kepintaran boleh mengekalkan motivasi untuk memenuhi potensi diri. *Affirmation* atau sokongan emosi pula boleh menggalakkan penerokaan kepintaran yang secara umumnya dapat memudahkan kesedaran perbezaan diri yang lebih sihat. *Affiliation* atau ikatan dengan individu lain yang mempunyai kesamaan intensiti, kecenderungan, minat, keinginan dan kebolehan, membolehkan PPB bergabung dalam kumpulan tanpa kehilangan identiti kendiri. *Affinity* atau pertalian pula dapat mengekalkan sifat kendiri dalam diri PPB. Menurut Mahoney lagi, bagi kebanyakan PPB, persekitaran sekolah didapati kekurangan dari konstruk-konstruk ini yang akhirnya menghasilkan pengunduran (*disengagement*), penafian (denial) kepintaran disebabkan persepsi stigma dan yang paling ketara ialah mengakibatkan berlakunya isu

*underachievement* atau kemunduran yang kronik.

Hasil kajian Gross (1998) dan Mahoney (1998) didapati selaras dengan hasil kajian terdahulu dan terkini ke atas PPB (Grossberg & Cornell 1988; Hollingworth, 1942; Janos & Robinson, 1985; Neihart, 1999; Roedell, 1986; Silverman, 1983; Tannenbaum, 1983; dan Versteynen, 2013). PPB didapati lebih berisiko untuk membuat penyesuaian terhadap permasalahan yang dihadapi. Hal ini berikutan sifat PPB yang didapati sensitif kepada konflik perorangan dan menghadapi darjah peminggiran dan tekanan yang lebih tinggi berbanding pelajar biasa, akibat daripadakebolehan kognitif yang tinggi atau luar biasa.

Memandangkan aspek pembentukan jatidiri/identiti PPB adalah suatu yang kritikal bagi remaja, Steinberg (1985) telah menyenaraikan lima aspek psikososial yang didapati boleh memberi kesan kepada kehidupan individu dari zaman kanak-kanak ke alam dewasa. Aspek-aspek tersebut dikatakan dapat menggiatkan pembentukan identiti zaman remaja termasuk PPB. Lima aspek tersebut termasuk; (1) pembangunan jatidiri yang merangkumi usaha untuk merasai keperibadian sendiri dan menerima keperibadian diri; (2) pertumbuhan autonomi, (3) proses menjadikan diri sebagai individu yang berdikari dan boleh membuat penentuan kendiri; (4) mencari keintiman dan membentuk hubungan rakan sebaya berdasarkan kepercayaan, keterbukaan, dan persamaan nilai-nilai; (5) pengurusan pembangunan seksualiti kendiri, dan keperluan untuk mencapai sesuatu dan diiktiraf dalam pencapaian tersebut. Kelima-lima perkara tersebut saling berinteraksi dan memberi pengaruh yang kuat di antara satu sama lain. Bagaimanapun, bagi individu pintar berbakat, terutamanya yang sangat berbakat, keinginan untuk pembangunan jatidiri, autonomi dan pencapaian mungkin bercanggah dengan keperluan untuk mencari keintiman. Gross (1989) membincangkan isu ini sebagai "dilema pilihan terpaksa" yang bakal dihadapi oleh kanak-kanak pintar dan berbakat yang berkeinginan untuk cemerlang dalam bakat kebolehan semula jadinya dan dalam masa yang sama berkonflik untuk

diterima dalam budaya rakan sebaya dan persekitaran.

Berdasarkan kepada teori psikologi perkembangan PPB (Erikson, 1968, Gagne, 1995, Renzulli, 1995), Model profil jatidiri PPB (Mahoney, 1998) dan hasil kajian literatur, dapat dirumuskan bahawa pembentukan jatidiri yang holistik adalah penting kepada PPB. Jatidiri holistik yang mencakupi aspek pemikiran/minda, emosi, sosial, jasmani, rohani, adalah selaras dengan kemenjadian modal insan menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan merupakan pemangkin utama dalam menghasilkan jatidiri PPB berkualiti yang boleh menyumbang kepada pembangunan kepimpinan negara di masa hadapan. Sehubungan itu, proses pembinaan kepimpinan PPB perlu seiring dan bersepdu dengan pembangunan jatidiri agar usaha melahirkan modal insan cemerlang dapat direalisasikan.

### **Isu-isu sosio emosi pelajar pintar dan berbakat**

Hasil kajian lepas telah menunjukkan bahawa PPB mempunyai kebolehan kognitif yang jauh lebih tinggi mengatasi rakan sebaya yang sederhana. Hal ini boleh menjurus kepada timbulnya pelbagai isu yang membawa kepada tercetusnya konflik sosio-emosi dalam kehidupan sehari-hari mereka. Menurut Roedell (1986) PPB mengalami kesukaran tertentu semasa membesar kerana perkembangan psikologi mereka adalah berbeza dari kanak-kanak lain khasnya dari segi bakat semula jadi. Kanak-kanak pintar dan berbakat mengalami perkembangan psikologi yang tidak sekata atau dikenali sebagai *asynchronous development* (Silverman, 2002). *Asynchronous development* berkaitan dengan perbezaan di antara perkembangan umur akal dan umur kronologi. Sehubungan itu, PPB dikatakan mengalami perkembangan potensi kognitif yang tinggi atau terkehadapan, berbanding perkembangan aspek emosi, sosial atau fizikal atau psikomotor yang sederhana. Kajian juga telah menunjukkan lebih tinggi tahap kepintaran kanak-kanak itu, lebih besar aspek *asynchronous* yang dialami (Neville, Piechowski, dan Tolan, 2012). Perkembangan yang tidak sekata dan konsisten ini boleh mengakibatkan tekanan emosi yang akan menyukarkan PPB dalam kehidupan termasuk

proses pembentukan jatidiri dan dalam proses pembelajaran. Keunikan perkembangan bakat yang dimiliki menyebabkan PPB terdedah dan memerlukan pengubahsuaihan dalam pendekatan keibubapaan, pengajaran dan perkhidmatan kaunseling bagi membolehkan PPB membangunkan potensi diri ke tahap yang optimum. (The Columbus Group, 1991)

Hasil kajian dari dalam dan luar negara telah membuktikan bahawa PPB menghadapi pelbagai isu sosio-emosi yang boleh menghalang perkembangan potensi mereka ke tahap yang maksimum. Antara isu-isu sosio-emosi yang dialami oleh PPB termasuk isu kekecewaan, kebimbangan, cepat marah, cepat bosan, pengasingan sosial, tekanan emosi, kesukaran membuat persahabatan kerana konsep persahabatan yang terkehadapan, kurang motivasi, rendah konsep kendiri, penolakan sosial, kesedaran emosi yang rendah dan sukar mengawal, kesukaran berhubung dengan rakan sebaya yang tahap IQ lebih rendah, kesepian, fobia, masalah interpersonal, kesempurnaan/*perfectionist*, kekurangan daya tahan, peningkatan sikap kesempurnaan dalam kalangan pelajar perempuan, takutkan kegagalan dan mengelak risiko disebabkan inginkan kesempurnaan, dan depresi yang tinggi, khususnya dalam kalangan PPB yang sangat kreatif. (Abu Yazid & Aliza, 2009; Neihart, Reis, Robinson, Moon, 2002; Rosaada, 2003; Versteynen, 2013).

Isu-isu sosio-emosi yang dialami oleh PPB di atas menyokong kajian terdahulu oleh Silverman (1987) yang mendapati risiko-risiko yang dialami oleh PPB dalam persekitaran pembelajaran mencakupi aspek; keengganan melakukan perkara-perkara rutin, tugas yang berulang-ulang, kritikan terhadap orang lain yang tidak sesuai, kekurangan kesedaran mengenai kesan tindakannya pada orang lain (kurang empati), kesukaran menerima kritikan, cuba menyembunyikan bakat untuk menyesuaikan diri dengan rakan-rakan, ketidakpatuhan dan menunjukkan penentangan kepada pihak yang lebih berkuasa. Tingkah laku PPB yang bercanggah dengan peraturan dalam persekitaran pembelajaran atau ekspektasi pihak berkuasa boleh mengakibat pelbagai tindakan ke atas mereka yang mempunyai implikasi terhadap aspek sosio-emosi.

Sehubungan itu, Brody (2015) turut menyenaraikan lapan ciri peribadi dan psikologi PPB yang dilihat sebagai faktor risiko yang boleh menghalang perkembangan PPB. Faktor-faktor tersebut adalah keterujaan yang melebihi/tinggi (*over excitabilities*), introvert, rendah efikasi kendiri, pemikiran tertutup (*fixed mindset*), *perfectionism* yang tidak sihat, perkembangan asynchronous, rendah kemahiran sosial, masalah pembelajaran. Selain faktor risiko tersebut, PPB juga dikatakan menjadi tidak menentu terhadap sesuatu permasalahan, akibat daripada kepercayaan dalam persekitaran mereka seperti; ekspektasi yang tidak realistik terhadap tingkah laku mereka, tekanan untuk menunjukkan prestasi terbaik, kritikan atau pujian yang berterusan, tekanan untuk mengikut peraturan, dan kesukaran mencari rakan atau diterima oleh rakan (Versteynen, 2013). Kesemua perkara tersebut merupakan risiko yang boleh menjadi penghalang kepada perkembangan diri PPB. Justeru, ibu bapa dan guru yang memahami akan implikasi sosial dan emosi PPB boleh menyediakan persekitaran yang menerima dan mengajar kemahiran sosial yang dapat menolong PPB menangani kesukaran yang dialami.

### **Hubungan di antara pembentukan jatidiri dan isu sosio-emosi**

Hasil kajian literatur menunjukkan terdapat hubungan di antara pembentukan jatidiri dengan aspek sosio-emosi. Pembentukan jatidiri atau identiti merupakan faktor penting dalam tempoh kritisikal iaitu usia pertengahan remaja (Erikson, 1968). PPB didapati mengalami tempoh pembentukan jatidiri yang kompleks (Gross, 1998). Hal ini disebabkan oleh pembentukan jatidiri dalam kalangan PPB melibatkan dua elemen penting iaitu pertimbangan di antara matlamat pencapaian atau matlamat membina keintiman atau kemesraan dengan rakan sebaya. Penerimaan dalam rakan sebaya menjadi aspek penting dalam diri PPB. Dalam situasi tertentu, PPB didapati akan mengubah jati dirinya mengikut kehendakrakan sebaya, dan mengorbankan matlamat pembentukan jati dirinya yang sebenar. Pandangan ini disokong dengan pernyataan Mahoney (1998) yang secara jelas mencadangkan peranan individu yang boleh menyumbang kepada pembentukan jatidiri PPB iaitu individu yang mengesahkan,

memberi sokongan emosi, membuat hubungan atau ikatan, dan menjalinkan pertalian. Kebanyakan hasil kajian PPB menunjukkan lebih tinggi tahap kepintaran pelajar, lebih besar kecenderungan untuk mereka mengalami kesukaran dalam hubungan sosial dengan rakan-rakan. Kesukaran membina hubungan sosial akan membawa kepada masalah pengunduran atau pengasingan sosial. Menurut Gross (1998) pengasingan sosial yang dialami oleh PPB ini boleh menyebabkan gangguan emosi yang berpunca daripada ketiadaan rakan sebaya yang sesuai atau serasi dengan PPB. Sebagai rumusan, hasil kajian literatur membuktikan wujudnya hubungan di antara pembentukan jatidiri PPB dengan isu-isu berkaitan emosi.

## **METOD**

### **Reka bentuk kajian**

Kajian deskriptif ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan untuk melihat tahap jatidiri dan tekanan sosio-emosi dalam kalangan PPB. Data diperolehi daripada soal selidik yang terdiri daripada Instrumen Jati Diri Pelajaran dan Instrumen Tekanan Sosio-emosi Pelajar, yang dibina berdasarkan kajian literatur. Instrumen ini diberi skala Likert 5 dengan menggunakan kadar dari Sangat Tidak Setuju (1) kepada Sangat Setuju (5).

### **Sampel Kajian**

Soal selidik diedarkan kepada 194 orang pelajar Pintar dan Berbakat di Pusat PERMATA pintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia yang menuntut dalam Program Pendidikan Menengah. Sampel telah dipilih secara rawak mudah. Daripada jumlah tersebut, 80 orang adalah daripada pelajar Tahap 2 (berumur di antara 15 hingga 17 tahun), 80 orang pelajar Tahap 1 (berumur di antara 14 hingga 15 tahun), dan 34 orang daripada pelajar Asas 2 (berumur di antara 12 hingga 14 tahun). 106 orang terdiri daripada pelajar perempuan dan 88 orang pelajar lelaki. Dari segi komposisi kaum, 165 adalah pelajar Melayu, 15 pelajar Cina, 4 pelajar India, dan 10 lain-lain kaum iaitu Sikh dan Borneo.

### **Instrumen kajian**

Instrumen Jatidiri Pelajar (*IJD<sub>P</sub>*) mengandungi enam (6) konstruk yang menggambarkan ciri-ciri jatidiri yang dikaji. Konstruk-konstruk tersebut ialah Jatidiri Minda/Pemikiran, Jatidiri Emosi, Jatidiri Kerohanian, Jatidiri Jasmani, Jatidiri Kepimpinan, dan Jatidiri Kewarganegaraan. Setiap konstruk mengandungi dua belas (12) item, menjadikan soal selidik ini mengandungi tujuh puluh dua item (72). Respons terhadap item adalah berdasarkan skala Likert lima mata, bermula dengan 1-Sangat Tidak Setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Tidak Pasti, 4-Setuju, dan 5-Sangat Setuju. Nilai pekali korelasi kebolehpercayaan instrumen adalah  $\alpha = 0.962$ . Berdasarkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi ini, instrumen ini sesuai digunakan dan boleh dipercayai untuk memperoleh skor yang stabil daripada responden. Instrumen Tekanan Sosio-emosi Pelajar (*ITSeP*) mengandungi sepuluh (10) konstruk/komponen yang menggambarkan tingkah laku tekanan sosio-emosi yang dikaji. Komponen-komponen tersebut ialah tekanan emosi, tekanan motivasi, tekanan konsep kendiri, tekanan kebimbangan, tekanan kesempurnaan (*perfectionist*), tekanan penangguhan (*procrastinate*), tekanan pencapaian rendah (*underachiever*), tekanan sosial, tekanan keadilan sosial, dan tekanan hubungan keluarga. Setiap komponen mengandungi enam item, menjadikan soal selidik ini mengandungi enam puluh (60) item. Respons terhadap item adalah berdasarkan skala Likert lima mata bermula dengan 1-Sangat Tidak Setuju, 2- Tidak Setuju, 3- Tidak Pasti, 4-Setuju, dan 5-Sangat Setuju. Nilai pekali korelasi kebolehpercayaan instrumen adalah  $\alpha = 0.920$ . Berdasarkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi ini, instrumen ini sesuai digunakan dan boleh dipercayai untuk memperoleh skor yang stabil daripada responden.

### Kaedah pengumpulan data

Pengumpulan data dijalankan dengan mengedar Instrumen Jatidiri Pelajar (*IJD<sub>P</sub>*) dan Instrumen Tekanan Isu Sosio-emosi Pelajar (*ITSeP*) kepada semua sampel kajian. Pentadbiran instrumen tersebut dijalankan dalam kumpulan besar semasa kursus pengajaran Pembangunan Jatidiri Kebangsaan. Sampel kajian menjawab

instrumen kajian dalam satu masa, bermula dengan *IJD<sub>P</sub>* dan diikuti dengan *ITSeP*.

### Analisis Data

Hasil kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 19.0. Data dianalisis secara deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif dijalankan bagi menentukan tahap dan profil jatidiri dan tekanan isu sosio-emosi PPB, secara keseluruhan, mengikut jantina dan bangsa. Menurut Sabitha (2005), analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan fenomena yang berkaitan dengan sesuatu populasi kajian atau membuat anggaran terhadap populasi yang mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Analisis ini membolehkanuraian mengenai latar belakang serta ciri-ciri latar belakang sampel kajian. Bagi mengenal pasti tahap jatidiri dan tekanan isu sosio emosi PPB, analisis deskriptif yang dijalankan adalah untuk mencari min dan sisihan piawai bagi skor yang telah diberikan oleh sampel kajian. Skor min diinterpretasi berdasarkan Kuebler dan Smith (1976). Ini kerana analisis menunjukkan dapatan nilai min yang tidak jauh berbeza. Dalam situasi yang sedemikian, interpretasi skor min yang lebih sensitif adalah lebih baik agar interpretasi menjadi lebih bermakna. Berdasarkan Kuebler dan Smith, dalam kes taburan normal,  $\mu$  iaitu min dan  $\sigma$  iaitu sisihan piawai akan menentukan taburan skor.

Kajian ini menggunakan skala 1 hingga 5. Oleh itu,  $\mu$  adalah bersamaan dengan 2.5, iaitu pada  $\sigma$  bersamaan dengan 0.  $\mu$  sepanjang garisan mendatar adalah bersamaan dengan 1. Oleh itu berdasarkan skala 1 hingga 5, untuk kajian ini, skala sepanjang garisan mendatar ialah 1.5, 2.5, 3.5, dan 4.5. Berpandukan skala tersebut, skor min  $\geq 4.51$  menunjukkan PPB memiliki kualiti jatidiri dan tekanan isu sosio-emosi pada tahap sangat tinggi, skor min 3.51 - 4.50 menunjukkan pelajar Pintar dan Berbakat memiliki kualiti jatidiri dan tekanan isu sosio-emosi pada tahap tinggi, skor min 2.51 - 3.50 menunjukkan Pintar dan Berbakat memiliki kualiti jatidiri dan tekanan isu sosio-emosi pada tahap sederhana, dan skor min 1.51-2.50 menunjukkan pelajar Pintar dan Berbakat memiliki kualiti jatidiri dan tekanan isu sosio-emosi pada tahap rendah, manakala skor min  $\leq 1.50$  menunjukkan pelajar Pintar dan Berbakat memiliki kualiti jatidiri dan

tekanan isu sosio-emosi pada tahap sangat rendah.

### DAPATAN KAJIAN

1a. Apakah tahap min jatidiri dantekanan sosio-emosi PPBdi Pusat PERMATApintar Negara?

Berdasarkan Jadual 1, dapatan kajian menunjukkan skor min jatidiri bagi pelajar pintar dan berbakat ialah 3.86 (nilai sp 6.41) dan min tekanan sosio-emosi ialah 2.71 (nilai sp: 7.39) Jadual 2.0 menunjukkan penentuan skala; tahap tinggi ialah pada skor min 3.51-4.50,tahap sederhana 2.51-3.50,dan tahap rendah 1.51-2.50. Maka skor min jatidiri (3.86) menunjukkan nilai purata tahap tinggi, manakala min tekanan isu sosio-emosi (2.72) berada pada tahap sederhana

**Jadual 1.** Min jatidiri dan tekanan sosio emosi pelajar pintar dan berbakat

Pemboleh ubah	n	Min	Sisihan piawai
---------------	---	-----	----------------

Jati diri	194	3.86	6.41
Tekanan sosio-emosi	194	2.71	6.39

### Apakah perincian tahap jatidiri dan tekanan sosio-emosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat (PPB)

Dari aspek jatidiri, analisis skor min menunjukkan seramai 54 orang (27.80%) PPB berada pada tahap yang sederhana (min 2.51-3.50) dan 140 orang (72.20%) berada pada tahap jatidiri yang tinggi (min 3.51-4.50). Manakala bagi tekanan isu sosio-emosi pula, dapatan menunjukkan 18 orang (9.28%) PPB yang dikaji berada pada tahap tinggi (min 3.51 – 4.50), 130 orang (67.01%) berada pada tahap sederhana (min 2.51-3.50), dan 46 orang (23.71%) berada pada tahap rendah (min 1.51 - 2.50). Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan PPB mempunyai tahap jatidiri yang sederhana ke tinggi. Manakala dari aspek tekanan isu sosio-emosi, kebanyakan PPB mengalami isu sosio-emosi tahap sederhana, diikuti dengan tahap rendah, dan sebahagian kecil mengalami tekanan sosio-emosi tahap tinggi.

**Jadual 2.** Tahap jatidiri dan tekanan sosio emosi pelajar pintar dan berbakat

Pemboleh ubah	n	Tahap	Kekerapan	Peratus
Jatidiri	194	Sangat Rendah	$\leq 1.50$	0
		Rendah	1.51 - 2.50	0
		Sederhana	2.51 -3.50	54
		Tinggi	3.51 – 4.50	140
		Sangat Tinggi	$\geq 4.51$	0
Tekanan sosio-emosi	194	Sangat Rendah	$\leq 1.50$	0
		Rendah	1.51 - 2.50	46
		Sederhana	2.51 -3.50	130
		Tinggi	3.51 – 4.50	18
		Sangat Tinggi	$\geq 4.51$	0

Sumber: Kubler dan Smith 1976

1b. Apakah profil komponen jatidiri dan tekanan isu emosi PPBdi Pusat PERMATApintar Negara?

Jadual 3 menunjukkan analisis dapatan profil komponen jatidiri. Daripada enam komponen jatidiri yang dikaji, jatidiri Kerohanian

mencapai min tertinggi iaitu 4.13, diikuti dengan jatidiri kewarganegaraan (min= 3.91), jatidiri emosi (min=3.86), jatidiri minda atau pemikiran (min= 3.85), jatidiri jasmani (min=3.82), dan akhir sekali jatidiri kepimpinan (min=3.63).

**Jadual 3.** Profil jati diri PPB di pusat PERMATA pintar negara ukm

Bil.	Kepimpinan	Min	Tahap	Sisihan piawai
------	------------	-----	-------	----------------

1	Jatidiri Minda	3.85	(Tinggi)	0.496
2	Jatidiri Emosi	3.86	(Tinggi)	0.505
3	Jatidiri Kerohanian	4.13	(Tinggi)	0.453
4	Jatidiri Jasmani	3.82	(Tinggi)	0.557
5	Jatidiri Kepimpinan	3.63	(Tinggi)	0.511
6	Jatidiri Kewarganegaraan	3.91	(Tinggi)	0.492

Seterusnya, jadual 4 menunjukkan analisis dapatanprofil Tekanan Isu Sosio-emosi PPB . Daripada sepuluh komponen tekanan isu sosio-emosi, data menunjukkan tekanan keadilan sosial ( $\text{min}= 4.13$ ) dan tekanan kesempurnaan atau *perfectionist* ( $\text{min}=3.51$ ) memperoleh min yang tertinggi, diikuti dengan tekanan keimbangan ( $\text{min}= 2.79$ ), tekanan penangguhan / *procrastinate*

(2.78),tekanan motivasi ( $\text{min} = 2.71$ ), tekanan emosi ( $\text{min}=2.68$ ), tekanan konsep kendiri ( $\text{min}=2.57$ ), tekanan sosial ( $\text{min}=2.14$ ), tekanan *underachiever* ( $\text{min}=2.11$ ), dan tekanan hubungan keluarga ( $\text{min}=2.09$ ). Secara keseluruhan min setiap komponen isu tekanan sosio-emosi berada pada tahap sederhana (S) dan tinggi (T).

**Jadual 4.** Profil tekanan sosio-emosi PPB di pusat PERMATA pintar ukm

Bil.	Tekanan Sosio-emosi	Min	Tahap	SisihanPiawai
1	Tekanan Emosi	2.68	(Sederhana)	0.769
2	Tekanan Motivasi	2.71	(Sederhana)	0.835
3	Tekanan Konsep Kendiri	2.57	(Sederhana)	0.805
4	Tekanan Kebimbangan	2.79	(Sederhana)	0.897
5	Tekanan Kesempurnaan	3.51	(Tinggi)	0.704
6	Tekanan Penangguhan	2.78	(Sederhana)	0.898
7	Tekanan <i>Underachiever</i>	2.11	(Rendah)	0.724
8	Tekanan Sosial	2.14	(Rendah)	0.849
9	Tekanan Keadilan Sosial	4.13	(Tinggi)	0.574
10	TekananHubungan Keluarga	2.09	(Rendah)	0.797

1c. Apakah perbandingan min Jati diri dan tekanan sosio-emosi mengikut jantina dan bangsa?

Berdasarkan Jadual 5, min Jatidiri pelajar perempuan adalah lebih tinggi (3.90) daripada pelajar lelaki (3.83). Manakala jatidiri kaum India(3.94) lebih tinggi daripada kaum

Melayu (3.90), diikuti kaumCina (3.72) dan lain-lain bangsa (2.62). Min tekanan sosio-emosi pelajar lelaki didapati lebih tinggi sedikit (2.77) daripada pelajar perempuan (2.67). Manakala tekanan sosio-emosi kaum Melayu dan Cina adalah sama (2.83), diikuti kaum India (2.29) dan lain-lain kaum (2.62).

**Jadual 5.**Perbandingan min jati diri dan tekanan sosio-emosi PPB di pusat PERMATA pintar negara universiti kebangsaan malaysia

Profil	Jantina			Kaum		
	L n 88	P n 106	M n 165	C n 15	I n 4	Lain-lain n 10
Jati Diri	3.83	3.90	3.90	3.72	3.94	2.62
Sisihan Piawai	.36	.46	.367	.528	.722	.296
Tekanan Isu Sosio-emosi	2.77 .582	2.67 .548	2.83 .527	2.83 .582	2.29 .656	2.62 .296

**Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara Jatidiri dan tekanan Sosio-emosi PPB di Pusat PERMATA pintar negara?**

Bagi menjawab hipotesis, analisis korelasi Pearson ( $r$ ) digunakan untuk mendapatkan nilai pekali korelasi hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji. Huraian terhadap nilai pekali adalah merujuk kepada tafsiran Cohen (1988).

**Jadual 6.** Korelasi di antara jatidiri dan tekanan sosio-emosi PPB secara keseluruhan

Pemboleh ubah		Tekanan Sosio-Emosi
Jatidiri	Korelasi Pearson r	<b>-.317(**)</b>
	Nilai Signifikan (2-tailed)	.002
n		194

\*\* Korelasi pada tahap signifikan 0.01

Berdasarkan jadual 6 keputusan analisis korelasi menunjukkan wujudnya hubungan negatif yang signifikan antara jatidiri dan tekanan sosio-emosi. Keadaan ini dapat dilihat pada nilai korelasi bagi Jatidiri dan Tekanan Sosio-emosi  $[194] = -0.317$ ,  $p = 0.02$  ( $p < 0.01$ ). Nilai korelasi tersebut  $[-0.317]$  menunjukkan wujudnya hubungan korelasi negatif yang sederhana teguh antara pemboleh ubah jatidiri dan tekanan sosio-emosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat yang dikaji. Keadaan ini bermaksud semakin tinggi tahap jati diri, semakin rendah tekanan sosio-emosi yang dialami oleh pelajar pintar dan berbakat. Semakin rendah tahap jati diri, semakin tinggi tekanan sosio-emosi. Sehubungan itu, hipotesis nol,  $H_0$  di dapat tidak benar dan ditolak.

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, hasil kajian ini yang menunjukkan PPB mempunyai tahap jatidiri yang tinggi. Dapatkan ini memberi gambaran bahawa PPB dalam kajian ini mempunyai sifat keperibadian yang mantap yang diterjemahkan menerusi aspek pegangan nilai, kepercayaan agama, perwatakan, budaya dan semangat patriotisme yang tinggi (Teo Kok Seong, 2015 dan Zainal, 2012). Keperibadian tersebut terbukti menerusi dapatan kajian

yang mendapati PPB memperoleh skor jatidiri yang tinggi pada komponen kerohanian, diikuti dengan jatidiri kebangsaan, emosi, pemikiran dan akhir sekali jatidiri kepimpinan. Dapatkan ini selaras dengan kajian oleh Mohd. Yusof, Jawiah, Abd. Latif, Mohd. Safar, Noor Aziah, Shamsul Azhar, Rosilawati, Noralina dan Mujahid (2012) yang mendapati pelajar di IPTA memperoleh tahap jati diri tinggi. Bagaimanapun dapatan kajian ini didapati tidak sejajar dengan hasil kajian Mohamad Khairi, Asmawati, Abdullah, dan Samsilah (2011) yang mendapati aspek jatidiri pelajar sekolah menengah yang diukur menerusi unsur integriti dalam amalan nilai murni hanya berada pada tahap yang sederhana.

Dapatkan ini mungkin disebabkan PPB telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti dalam kurikulum pendidikan pelajar Pintar dan Berbakat di Pusat PERMATApintar UKM, khususnya dalam kursus Pembangunan Jatidiri Kebangsaan. Matlamat pembelajaran kursus ini bertujuan membangunkan pelajar secara menyeluruh yang mencakupi pembangunan jasmani, emosi, rohani, intelek, kepimpinan dan kewarganegaraan. Nampaknya kursus ini telah menyumbang kepada pembentukan jatidiri pelajar yang tinggi. Bagaimanapun, hasil dapatan kajian ini memberi gambaran bahawa pembinaan jatidiri kepimpinan PPB perlu diberi

penekanan yang lebih serius, ekoran skornya yang sederhana. Dapatkan ini menyamai hasil kajian Rorlinda (2014) yang menunjukkan ciri kepimpinan PPB berada pada tahap sederhana. Kajian telah menyarankan supaya PPB diberi program intervensi membina keterampilan kepimpinan. Aspek kepimpinan perlu diperkasa dan diserlahkan, malah usaha pembinaan perlu bermula dari peringkat awal penglibatan pelajar dalam program Pintar dan Berbakat. Hal ini disebabkan PPB dilihat sebagai bakal pemimpin yang hebat kerana mereka dikatakan mempunyai ciri kepimpinan yang berkualiti dan boleh memotivasi rakan-rakan lain di sekitarnya (Karnes & Stephens, 1999; Roberts, 2013; dan Rorlinda, 2014).

Seterusnya, gambaran jatidiri mengikut etnik menunjukkan sedikit kebimbangan di mana pelajar Melayu yang merupakan kumpulan majoriti mempunyai jatidiri yang lebih rendah berbanding pelajar India, manakala pelajar Cina pula menunjukkan jatidiri yang masih rendah. Dapatkan ini sejajar dengan kajian Tan Chee-Beng (2000) dan Teo Kok Seong (1996) yang mendapati fenomena penggunaan bahasa Melayu yang bercampur aduk dalam kalangan masyarakat Melayu adalah semakin membimbangkan. Hal ini dikaitkan dengan jati diri masyarakat Melayu yang kurang mantap. Demikian juga jati diri kaum lain khususnya kaum Cina yang menunjukkan keengganahan mendukung identiti Melayu (penggunaan Bahasa Melayu) sebagai budaya negara. Implikasi dapatan ini menunjukkan kepentingan menerapkan elemen Gagasan 1Malaysia dalam subjek Jati diri Kebangsaan dan secara merentas kurikulum. Usaha penyebatiannya elemen Gagasan 1Malaysia dalam semua mata pelajaran perlu diberi perhatian. Langkah ini penting memandangkan PPB merupakan pewaris barisan kepimpinan dan tokoh pemikir serta ilmuwan negara pada masa hadapan. Penghayatan jati diri yang mantap dalam kalangan PPB adalah suatu kemestian, agar usaha pembangunan, kedaulatan dan kemakmuran negaradapat di kekal dan terus diperkasa.

Hasil dapatan tekanan sosio-emosi pula menunjukkan kebanyakkan PPB mempunyai tahap tekanan sosio-emosi tahap sederhana dan rendah, namun wujud keadaan PPB yang

mengalami tekanan sosio-emosi tahap tinggi. Daripada sepuluh komponen tekanan sosio-emosi yang dikaji, profil tekanan isu sosio-emosi menunjukkan PPB mengalami tekanan yang paling tinggi dalam dua isu; iaitu dari aspek isu keadilan sosial dan kesempurnaan atau *perfectionist*. Seterusnya mereka didapati mengalami tekanan tahap sederhana pada isu-isu kebimbangan, tekanan penangguhan / *procrastinate*, motivasi, diikuti dengan tekanan emosi, tekanan konsep kendiri, tekanan sosial, tekanan *underachiever*, dan tekanan hubungan keluarga. Dapatkan ini sejajar dengan hasil kajian terdahulu tentang isu sosio-emosi PPB oleh Versteynen (2013), Rosadah (2003), Robinson (2006), Abu Yazid dan Aliza (2009), dan Aliza dan Hamidah (2009). Hasil kajian lepas menyarankan supaya aspek pengurusan sosio-emosi PPB diberi perhatian kerana ketidakselarasian di antara perkembangan kognitif dengan perkembangan komponen psikologi yang lain terutama emosi dan sosial boleh mengakibatkan PPB mengalami tekanan dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran atau penyesuaian dalam hubungan sosial (Clark, 1992 dan Silverman, 1994). Hal ini disebabkan oleh semakin tinggi tahap IQ (kecerdasan intelek) PPB, semakin tinggi risiko untuk mereka terdedah pada masalah penyesuaian sosial dan emosi (Hollingworth, 1942 & Jihad Turki dan Lama Majed Al-Qaisy, 2012).

Implikasi dapatan kajian ini menunjukkan program pendidikan PPB memerlukan perkhidmatan sokongan kaunseling psikologi yang teguh dengan kepakaran yang kompeten bagi membantu PPB menghadapi isu-isu psikologi, yang sememangnya sinonim dengan persekitaran hidup PPB. Hal ini bertujuan supaya isu-isu psikologi yang dialami tidak menjadi penghalang dalam usaha membangunkan perkembangan potensi PPB ke tahap maksimum.

Memandangkan aspek kesejahteraan psikologi adalah kritikal dalam memacu kecemerlangan PPB, maka program perkhidmatan bimbingan kaunseling psikologi perlu mengambil kira aspek pembangunan holistik yang mencakupi keseluruhan aspek jati diri peribadi. Hal ini dibuktikan dengan hasil dapatan kajian yang menunjukkan semakin tinggi tahap jatidiri

PPB, semakin rendah tekanan sosio-emosi yang dialami, dan sebaliknya semakin rendah tahap jati diri, semakin tinggi tekanan sosio-emosi. Dapatan ini memberi gambaran akanperi pentingnya program pembinaan jati diri peribadi dan kebangsaan dalam membantu PPB mengurus tekanan sosio-emosi yang dialami. Kemantapan jatidirimerupakan pemangkin yang kuat dalam membantu individu untuk bangkit menghadapi situasi tekanan. Hal ini disokong dengan kajian lepas yang mengaitkan jati diri atau identitidiri dengan isu-isupsikologi sosio-emosi dalam kalangan PPB (Bailey, 2007; Versteynen, 2013; Silverman, 1987; Tannenbaum, 1983, Neihart, Reis, Robinson, & Moon, 2002; Grossberg, & Cornell, 1988; Neihart, 1999; Roedell, 1986).

Selain itu, hasil kajian ini juga mempunyai implikasi terhadap keperluan memperkasa pedagogipengajaran kursus Jatidiri untuk PPB. Pedagogi subjek ini perlu dipelbagaikan dan bersifat luwes bagi membantu pembinaan jatidiri yang holistik. Kepelbagaian aktiviti yang dapat memenuhi keperluan domain kognitif, afektif dan psikomotor dengan mengambil kira aspek kecerdasan pelbagai (Gardner, 1963) akan mewujudkan persekitaranpembelajaran aktif yang menarik dan berbentuk *hands-on*. Perancangan yang baik dengan memperkayakan pengalaman pembelajaran di luar bilik darjah menerusi kaedah *experiential learning* boleh menyumbang kepada pembinaan daya tahan dan kreativiti yang tinggi. Pendekatan tersebutperludiikuti dengan latihan refleksi. Amalan refleksi melibatkan proses renungan kendiri dalam usaha mencari makna ke atas pengalaman yang dilalui. Amalan refleksi mampu memimpin celik akal kematangan jatidiri, yang boleh membawa kepada kesedaran dan penerimaan kendiri. Keadaan ini boleh membina keyakinan diri, seterusnya memimpin kesejahteraan psikologi dalam menghadapi cabaran-cabaran sosio-emosi.

## RUJUKAN

Abu Yazid Abu Bakar & Noriah Mohd Ishak. (2016). Pendidikan pintar dan berbakat di Malaysia. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi

- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu Di Persimpangan: Antara Jati Diri Dengan Rempuan Globalisasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kemanusiaan 16 59–81. [http://web.usm.my/kajh/kajh%2016/KAJH%204%20Abdullah%20\(59-81\)A\[1\].pdf](http://web.usm.my/kajh/kajh%2016/KAJH%204%20Abdullah%20(59-81)A[1].pdf)
- Bailey, C. L. (2007). *Social and emotional needs of gifted students: What school counselors need to know to most effectively serve this diverse student population*. Paper based on a program presented at the Association for Counselor Education and Supervision Conference, Columbus, OH.
- Brody, L. E. (2015). *The Psychosocial Concerns and Needs of Gifted Students*. Center for Talented Youth Johns Hopkins University. Retrieved from <http://cty.jhu.edu/talent/docs/Webinar%20Presentations/2015Psychosocial2Webinar.pdf>
- Brinthaupt & Lipka (2002). *Understanding early adolescent self and identity*. Retrieved from <http://ahd1113.activehost.com/pdf/60549.pdf>
- Clark, B. (1992). *Growing up gifted: Developing the potential of children at home and at school*. NY: MacMillan.
- Cohen, L. & Manion, L. (1989). *Research methods in education*. Ed. Ke 3. London: Routledge
- Columbus Group. (1991). Unpublished transcript of the meeting of the Columbus Group, Columbus, OH.
- Erikson, E. (1968). Identity, Youth, and Crisis. New York: Norton.
- Gardner, H. (1993). Frame of mind: The theory of multiple intelligences (10<sup>th</sup> Anniversary ed.) New York: Basic Books
- Gross, M.U.M. 1989. The pursuit of excellence or the search for intimacy? The forced choice dilemma of gifted youth. *Rooper Review*, 11(4), 189-194.
- Gross, M.U.M. 1998. The “Me” behind the mask: Intellectually Gifted Students and the Search for identity. Retrieved December 2015. <http://sengifted.org/archives/articles/the-me-behind-the-mask-intellectually-gifted-students-and-the-search-for-identity#sthash.LuZRnBuU.dpuf>.
- Grossberg, L.N., & Cornell, D.G. (1988). Relationship between personality adjust-

- ment and high intelligence: Terman versus Hollingworth. *Exceptional Children*, 55, 266-272.
- Hollingworth, L. (1942). *Children above 180 IQ*. Standford Binet. New York: World Book.
- Ismail Ibrahim. 2010b. 1Malaysia: pembentukan jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (Pnyt.), Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari (hlm. 3-20). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jaret, C. & Reitzes, D. C. 2009. Currents in a stream: college student identities and ethnic identities and their relationship with self-esteem, efficacy, and grade point average in an urban university. *Social Science Quarterly*, 90(2), 346-367.
- Jihad Turki, & Lama Majed Al-Qaisy (2012). Adjustment problems and self-efficacy among gifted students in Salt Pioneer Center. *International Journal of Education Sciences*, 4(1): 1-6.
- Keen, D. (2005). Talent in the new millennium: A two-year research study of gifted education. *International Education Journal*, 6(2), 206-217.
- Kirby, A., & Townsend, M. (2001). Conversations with accelerated and non-accelerated gifted students. *APEX: The New Zealand Journal of Gifted Education*, 14(1), 1-7.
- Kuebler, R.R. & Smith, Jr. H. (1976). Statistics: a beginning. New York: Joh Wiley & Sons, Inc.
- Lovecky, D. V. (1992). Exploring Social and Emotional Aspects of Giftedness in Children Author. Citation Reprinted with permission from Roeper Review. 15(1) 1825.
- Luus, S., Watters, J. (2012). Gifted early adolescents' negotiating identity: A case study of self-presentation theory. *The Australasian Journal of Gifted Education*, 21(2), 19-32.
- Mahoney, A.S. (1998). In search of the gifted identity: From abstract concepts to workable counselling constructs. *Roeper Review*, 20 (30), 222-226. doi.org/10.1080/0278319980553884
- Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid, Abdullah Mat Rashid dan Samsilah Roslan. (2011). Hubungan faktor-faktor sosial dengan penghayatan nilai murni pelajar: Satu dapatan awal. Prosiding 16th International Conference on Education Mohd. Yusof Othman, Jawiah Dakir; Abd. Latif Samian, Mohd. Safar Hasim, Noor Aziah Mohd Awal; Shamsul, Azhar Yahya, Rosilawati Mohd. Hanapi; Noralina Omar, Mujahid Abu Bakar.(2012).Jati Diri Kebangsaan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 67-78. Retrieved: www.Ukm.My/Jhadhari
- Moltzen, N. (2011). Psychological adjustment of gifted children and adolescents. In R. Moltzen (Ed.), *Gifted and talented: New Zealand perspectives* (3<sup>rd</sup> ed., pp.185-203). Auckland: Pearson. Google Scholar
- Neihart, M. (1999). The impact of giftedness on psychological well-being: What does the empirical literature say? *Roeper Review*, 22(1), 10-17.
- Neihart, M.,Reis, S.M., Robinson, N. M., & Moon,S.M. (2002). The social and emotional development of gifted children: What Do We Know? Edited by National Association of Gifted Children. Prufrock Press, Inc.
- Neville, C.S.,Piechowski, M. M., & Tolan, S. S. (2012). *Asynchrony and the Gifted Child*. Royal Fireworks Press Unionville, New York
- Neihart, M.(2006). Dimensions of underachievement, difficult contexts, and perceptions of self. *Roeper Review*, 28(4), 196-202.
- Renzulli, Joseph S. & Reis, Sally M. (1997). *The Schoolwide Enrichment Model*. 2<sup>nd</sup> Edition. Creative Learning Press. Mansfield, p. 5-14
- Roedell, W.C. (1986). Socioemotional vulnerabilities of young gifted children. *Journal of Children in Contemporary Society*, 18 (3-4), 17-29.
- Rorlinda Yusof, Noriah Mohd Ishak, Azizah Mohd Zahidi. (2015). Leadership Characteristic Among Gifted and Talented Students at Malaysia National Gifted Center. *International Journal of Scientific Research*. Volume: 4, Issue 8.
- Rosadah Abd Majid, Noriah Mohd Ishak, & Melor Md Yunus. 2009. Kepintaran dan pintar cerdas berbakat: Definisi dan

- makna. Dalam PERMATApintar Negara: Pengalaman UKM. Pusat PERMATApintar Negara. Universiti KebangsaanMalaysia. Bangi
- Sabitha Marican. (2005). Kaedah penyelidikan sains sosial. Petaling Jaya: Pearson Prentice-Hall (Malaysia)
- Schunk, D. H. (1987). Peer models and children's behavioural change. *Equity and Excellence*, 23, 22-30
- Scott, M. T. (2012). Socio-Emotional and Psychological Issues and Needs of Gifted African-American Students: Culture Matters. *Interdisciplinary Journal of Teaching and Learning*, 2, (1), 23-33.
- Silverman, LK. (1987). Applying knowledge about social development to the counselling process with gifted adolescence.' in T.M. Buescher (ed.). Understanding Gifted and talented Adolescents (pp. 40-44). Evanston, IL: Center for Talented Development.
- Silverman, LK. (1994). The moral sensitivity of gifted children and the evolution of society. *Roeper Review*, 17(2), 110-116.
- Silverman, LK. (1994). The moral sensitivity of gifted children and the evolution of society. *Roeper Review*, 17(2), 110-11
- Silverman,L.K. (2002).Asynchrony: A New Definition of Giftedness. Retrieved from <https://tip.duke.edu/node/839>
- Simonton, D. K. (2005) Giftedness and Genetics: The EmergenicEpigenetic Model and Its Implications. *Journal for the Education of the Gifted*. Vol. 28, No. 3/4, 2005, pp. 270–286. Copyright ©2005 The Association for the Gifted, Reston, VA 20191-1589
- Sousa, D. A. (2003). How the gifted brains learns. Corwin Press Inc.: USA
- Sternberg, R. J. (1985). *Beyond IQ: A triarchic theory of human intelligence*. New York: Cambridge University Press
- Steinberg, L. (1985). Adolescence. New York. Retrieved: <http://sengifted.Org/archives/articles/the-me-behind-the-mask-intellectually-gifted-students-and-the-search-for- identity>.
- Tan Chee-Beng. 2000. Ethnic identities and national identities: some examples from Malaysia. *Identities*, 6(4), 441-480.
- Tannenbaum, A.J. (1983). *Gifted children: Psychological and educational perspectives*. New York: Macmillan
- Tapper, L. & Abbiss, J. (2015). Finding a "Fit": Gifted and talented adolescents' Identity Negotiations. *New Zealand Journal of Educational Studies*. 50 (2). 255-268. Doi: <http://link.springer.com/article/10.1007/s40841-015-0013-0>.
- Tartakovsky, E. 2009. National identity of high-school adolescents in an era of socio-economic change: Russia and Ukraine in the Post-Perestroika period. *Journal of Youth and Adolescence*, 39. DOI: 10.1007/s10964- 010-9509-6
- Teo Kok Seong. (2010).Malahirkan Warga Berjiwa Satu Malaysia Melalui Satu Bahasa. <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=511>
- Teo Kok Seong (2013). Membentuk jati diri kebangsaan dalam PPPM: Dasar mampu merangsang perasaan kebersamaan, kesetiaan kepada negara.Berita Harian 2 Oktober. Retrieved: <http://tmsabli.tumblr.com/post/62950818943/membentuk-jati-diri-kebangsaan-dalam-pppm>
- Teo Kok Seong, 2006, “Kerancuan dalam Bahasa Melayu” dlm. *Jurnal Bahasa*, 6:4, hlm. 697-712, 2006
- Thomas M. B. & Richard, P. L. (2002). Understanding early adolescent self and identity: Application and Intervention. State University of New York. Albany.
- Versteynen, L. 2013.Issues in the social and emotional adjustment of gifted children: What does the literature say? *The New Zealand Journal of Gifted Education*, 13(1), 1-8.
- Vialle, W., Heaven, P. P., & Ciarrochi, J. (2007). On being gifted, but sad and misunderstood: Social, emotional, and academic outcomes of gifted students in the Wollongong Youth Study. *Educational Research and Evaluation*, 13(6), 569-586.
- Vincent, C.(2003). Introduction. In C. Vincent (Ed.), *Social Justice, education and identity* (pp. 1-13). London: Routledge Falmer.
- Wan Muhamad, S. A. A. 2010. Strategi, kaedah dan pelaksanaan dakwah dalam

membina jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (Pnyt.), Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari (hlm. 85-96). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.